608:
MAHATHIR-KESELAMATAN
1976.

IPOH, 18 JUN (BERNAMA)-- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI TINDAKANAKAN DIAMBIL UNTUK MEMBETULKAN SEBARANG KELEMAHAN DALAM USAHA KERAJAAN UNTUK MEMATAHKAN ANCAMAN PENGGANAS KOMUNIS DI PERAK.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA PETANG INI MASIH TERDAPAT BEBERAPA MASAALAH YANG BELUM DISELESAIKAN DALAM STRATIJI KESELAMATAN DI NEGERI INI.

+SAYA AKAN LAPURKAN MASAALAH INI KEPADA MAJLIS KESELAMATAN NEGARA.+

KATANYA, PADA KESELURUHANNYA KEGIATAN KESALAMATAN DI PERAK ADALAH BERJALAN DENGAN BAIK.

+KITA PERLU MEMPERHEBATKAN PENYERTAAN RAKYAT DALAM PEPERANGAN INI. KITA PERLU MENJELASKAN KEPADA MEREKA TENTANG PEPERANGAN INI.+

+INI BUKANLAH SEMATA-MATA PEPERANGAN ANTARA KELAS TETAPI MELIBATKAN IDEOLOGI. KITA SEKALI-KALI TIDAK BOLEH MEMBENARKAN DIKTATOR KOMUNIS DI NEGARA KITA KERANA INI MEMBAWA BERBAGAI PADAH,+ TAMBAH BELIAU. --BERSAMBUNG 1928/IB

^

609:
MAHATHIR-KESELAMATAN 2 IPOH

DR. MAHATHIR MENEGASKAN, RAKYAT PATUT MENGHARGAI APA YANG ADA PADA MEREKA SEKARANG DAN MENGANGGAP DIRI MEREKA BERNASIB BAIK KERANA KERAJAAN MEREKA MENGAMBIL BERAT AKAN KEPERLUAN RAKYAT.

+KERAJAAN DIKTATOR TIDAK AKAN MEMPEDULIKAN KEPERLUAN MEREKA,+ KATANYA.

MENGENAI PERTEMUANNYA DENGAN PEMIMPIN BARISAN NASIONAL DI SINI PETANG INI, DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TELAH MENJELASKAN KEPADA MEREKA KONSEP PENUBUHAN BARISAN NASIONAL.

MENGENAI PERPECAHAN DI KALANGAN SETENGAH-SETENGAH PARTI ANGGOTA BARISAN NASIONAL DI PERAK, DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TELAH MEMBERITAHU MEREKA BAHAWA PEMIMPIN SESUATU PARTI BERTANGGUNGJAWAB MENGAWASI ANGOTA PARTI MEREKA.

+KONSEP BARISAN NASIONAL IALAH PARA PEMIMPIN PARTI HENDAKLAH BEKERJA BERSAMA-SAMA, WALAUPUN MEREKA MUNGKIN TIDAK SESUAI SATU SAMA LAIN,+ KATANYA.

+TERPULANGLAH KEPADA PEMIMPIN PARTI BERKENAAN UNTUK MENGAWASI ANGGOTA PARTINYA. JIKA MEREKA TIDAK BERUPAYA BERBUAT DEMIKIAN, MAKA MEREKA BUKAN LAGI PEMIMPIN TETAPI PENGIKUT MEREKA YANG MEMIMPIN MEREKA.+--BERNAMA 1935/BY